

# Datuk Sudin: Sebab PAS tidak sertai semula BN...

ALOR SETAR, Sabtu — UMNO sendiri yang menjadi penghalang bagi PAS menyertai semula Barisan Nasional kerana parti itu tidak mahu mengubah dasar perjuangannya. Demikian menurut Ahli Jawatankuasa Agung PAS Pusat, Datuk Sudin bin Wahab.

Beliau berkata, PAS akan menyertai semula Barisan Nasional sekiranya sikap UMNO berubah dari perjuangannya sekarang.

Datuk Sudin, yang juga Timbalan Pengerusi PAS Kedah, berkata selagi UMNO tidak mengubah dasar perjuangannya, selama itulah dinding yang menjadi penghalang bagi PAS menyertai Barisan Nasional.

Beliau yang juga Setiausaha Perhubungan PAS Kedah, memberi jaminan, walaupun PAS tidak menyertai Barisan Nasional, kerjasama penuh dengan kerajaan akan diberi sekiranya keutuhan dan kedaulatan negara terancam.

Katanya, PAS sedia

Oleh  
**SUHAIMI HAJI ASMAWI**



■ USTAZ FADZIL



■ DATUK SUDIN

□ PAS akan berjuang bersendirian tanpa kerjasama mana-mana parti pembangkang dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang. PAS berjuang dengan dasarnya sendiri tanpa mengharapkan kerjasama parti pembangkang yang lain. □

Menurutnya, kedua kawasan tersebut sejak lama ditandingi oleh calon PAS serta mendapat undi yang banyak dari rakyat di kawasan itu.

"PAS akan meletakkan calonnya di kedua kawasan tersebut untuk menunaikan kehendak rakyat di kawasan itu," tambahnya.

PAS, ujarnya, akan meletakkan calonnya bagi semua kerusi — Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di lima negeri — Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu dan Pahang.

Lain-lain negeri, jelasnya, PAS akan meletakkan calonnya sekurang-kurangnya 80 peratus bagi kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

memberikan kerjasama serta fikiran untuk mempertahankan kedaulatan dan keamanan negara dari ancaman musuh.

Menurutnya, PAS akan berjuang bersendirian tanpa kerjasama mana-mana parti pembangkang dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang.

PAS, jelasnya, berjuang dengan dasarnya sendiri tanpa mengharapkan kerjasama dari parti pembangkang yang lain.

Sementara itu, Naib Yang Dipertua Agung PAS, Ustaz Fadzil Noor, berkata PAS tetap akan meletakkan calonnya di kawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kubang Pasu, Kedah dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam di Labis, Johor dalam pilihanraya umum akan datang.